

103

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 14 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan memandangkan tagar 'Me Too' di Amerika Syarikat, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Pihak Kerajaan untuk menjenayahkan gangguan seksual di Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberikan komitmen dalam melindungi kehormatan, maruah, keselamatan dan kepentingan golongan wanita di negara ini daripada terus menjadi mangsa sebarang bentuk keganasan dan gangguan seksual.

Walaupun pada masa ini, Malaysia masih tidak mempunyai undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual, terdapat beberapa peruntukan undang-undang dalam negara yang boleh diguna pakai bagi membantu mangsa gangguan seksual.

Peruntukan undang-undang gangguan seksual ini diperuntukkan di dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] di bawah seksyen berikut:

- a) Seksyen 354 (Kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan);

- 105
- b) Seksyen 355 (Kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan marah);
 - c) Seksyen 377D (Kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian); dan
 - d) Seksyen 509 (Kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang, sama ada dengan perkataan atau isyarat)

Selain daripada peruntukan di bawah Kanun Keseksaan, Kementerian Sumber Manusia juga telah melancarkan Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja bagi sektor swasta pada tahun 1999. Kod Amalan ini merupakan satu garis panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh majikan bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Kod amalan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Bagi mengukuhkan lagi usaha menangani kes gangguan seksual, Akta Kerja 1955 [Akta 265] telah dipinda oleh Kementerian Sumber Manusia pada 1 April 2012 melalui P.U.(B) 85/2012 yang mana pindaan telah menambah peruntukan khas berkaitan gangguan seksual yang terdapat dalam Bahagian XVA, seksyen 81A sehingga seksyen 81G. Pindaan ini menekankan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh mengambil tindakan kepada mana-mana majikan yang gagal menjalankan siasatan melibatkan kes gangguan seksual di tempat kerja yang diajukan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani kes gangguan seksual di sektor awam pula, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005, mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam telah dikuatkuasakan pada 26 Ogos 2005. Pelaksanaan garis panduan ini bertujuan mendidik, memberi kefahaman dan juga sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual.

Buat masa ini, Kementerian juga sedang mengadakan sesi konsultasi dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sedang dalam proses untuk mengkaji keperluan mewujudkan undang-undang khusus berkaitan gangguan seksual merangkumi gangguan seksual di tempat kerja dan di tempat awam.

Pihak Kementerian menyeru agar mangsa berani bertindak ke hadapan dengan melaporkan kes-kes ini kepada pihak berkuasa agar pesalah dapat dikenakan tindakan yang setimpal berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kerja 1995.

SOALAN (49)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14 MAC 2018
[RABU]
DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

SOALAN :-

YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperhalusi semula setiap pembinaan rumah mampu milik serta PRIMA yang akan dilaksanakan di kawasan luar bandar terhadap harga yang ditawarkan agar ia bersesuaian dengan demografi ekonomi masyarakat di kawasan tersebut.

109

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah di bandar dan di luar bandar. Pelbagai Kementerian, agensi kerajaan dan negeri serta pihak pemaju swasta yang terlibat dalam penyediaan RMM ini.

Pembinaan RMM di kawasan luar bandar adalah di bawah penyelarasan **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)** melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin dan **Kerajaan Negeri** melalui program perumahan luar bandar yang lain. Sementara itu, **Program Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA)** di bawah penyelarasan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dilaksanakan oleh Perbadanan PR1MA lebih **memfokuskan kawasan bandar dan pinggiran bandar.**

Selain itu, kerajaan juga telah menetapkan **siling bagi RMM di seluruh negara** pada harga **RM300,000.00 seunit** berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Perumahan Negara Bilangan 1/2016 pada 6 April 2016 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), bagi memperhalusi sektor perumahan termasuklah dari segi pembinaan RMM, Kerajaan telah mempunyai beberapa **platform khusus** bagi membincangkan isu perumahan ini secara kolaborasi antara Agensi-Agensi Kerajaan serta pemain-pemain industri sektor swasta seperti:

- (i) **Majlis Perumahan Negara (MPN)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri;
- (ii) **Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (High Level Committee) Mengenai Isu-isu Perumahan** yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri; dan
- (iii) **Mesyuarat-mesyuarat berkala** yang diadakan oleh KPKT dengan kolaborasi Agensi-Agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program dan skim perumahan sedia ada yang ditawarkan oleh KPKT adalah seperti:

- (i) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- (ii) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit);
- (iii) Rumah Transit 1Malaysia (RT1M);
- (iv) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
- (v) Rumah Transit Belia (MyTransit); dan
- (vi) Program Perumahan Rakyat (PPR).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018